

PERADUAN SABAH PILIH SAZARICE & SABARICE TERMA DAN SYARAT

Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur</u>	SAZARICE SDN. BHD. (0385374U) & SABARICE SDN. BHD. (0658854M)
2. <u>Peraduan</u>	SABAH PILIH SAZARICE & SABARICE
3. <u>Kelayakan</u>	Peraduan ini dibuka kepada semua individu yang menetap di Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan yang berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan. Hanya Pelanggan yang mempunyai dokumen pengenalan yang sah (misalnya: kad pengenalan atau passport) layak menyertai Peraduan (“Peserta”). Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
4. <u>Tempoh Peraduan</u>	Peraduan bermula jam 00:00:00 pada 22/08/2020 dan ditutup jam 23:59:59 pada 06/12/2020.
5. <u>Kaedah Penyertaan:</u>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk menyertai Peraduan ini, beli sekurang-kurangnya satu [1] mana-mana produk SAZARICE atau SABARICE dalam satu resit bercetak. <ol style="list-style-type: none"> i. Resit-resit boleh didapati dalam bentuk e-resit untuk pembelian dalam talian dan resit dicetak dari sistem Point of Sale. Setiap Resit mesti mengandungi nombor resit dan nama dan/atau logo gedung di mana pembelian dibuat. ii. Sekiranya ini tidak tertera, resit perlu dicop dengan cop rasmi gedung di mana pembelian dibuat. 2. Untuk setiap penyertaan yang dikemukakan, anda mesti melampirkan resit asal sebagai BUKTI PEMBELIAN (BP) 3. HANYA satu [1] cara penyertaan dalam peraduan ini, iaitu melalui WhatsApp. Semua bentuk penyertaan lain termasuk SMS akan dibatalkan. 4. Setiap BP hanya layak untuk satu [1] penyertaan HANYA melalui WhatsApp. 5. Jawab dengan betul satu [1] soalan iaitu Semua produk Sazarice / Sabarice melalui pemprosesan kualiti. Ya / Tidak 6. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan melalui WhatsApp yang disertakan dengan BP berulang dan/atau mengandungi lebih daripada satu [1] BP. 7. <u>Penyertaan melalui WhatsApp:</u> <ol style="list-style-type: none"> i. Tulis di permukaan bercetak BP : <ol style="list-style-type: none"> i. Nama penuh anda seperti dalam MyKad/ Passport, ii. Nombor MyKad / Passport dan ii. Ambil satu [1] gambar BP lengkap dengan Butir Peribadi, nama gedung, tarikh pembelian dan jumlah pembelian [“Penyertaan WhatsApp”]. Hantar Penyertaan WhatsApp melalui WhatsApp ke nombor 017-8607188 iii. Penganjur TIDAK AKAN menghantar laporan perakuan penerimaan penyertaan melalui WhatsApp. 8. Untuk Penyertaan WhatsApp yang diterima, Penganjur berhak untuk meminta BP asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan BP asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan kemenangan dan hadiah. 9. Penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan Peraduan yang

diserahkan, termasuk tetapi tidak diperhadkan kepada sebab-sebab berikut :- (i) tidak lengkap, tidak boleh dibaca, dan / atau butiran tidak tepat, salinan; dan / atau (ii) menghantar imej bukti pembelian yang kabur; dan / atau (iii) mengandungi sesuatu haram, lucah, memalukan, fitnah atau kesat kepada mana-mana orang / organisasi

10.

Jadual Bukti Pembelian		
PRODUK-PRODUK SAZARICE & SABARICE	SAIZ PEK	NOMBOR BERSIRI
Beras Wangi AAA Golden Peonies	10KG	4
Beras Basmathi Sella Cream	5KG	4
Beras Basmathi Kainat	5KG	4
Beras Wangi AAA Double Dragon	10KG	2
Beras Super Wangi AA Cap Roda	10KG	2
Beras Wangi Special Cap Anggur (Ungu)	10KG	2
Beras Wangi Cap Anggur (Kuning)	10KG	2
Beras Super Import Istimewa Rafflesia	10KG	2
Beras Calrose Sazarice	5KG	2
Beras Wangi AAA Double Dragon	5KG	1
Beras Super Wangi AA Cap Roda	5KG	1
Beras Wangi Special Cap Anggur (Ungu)	5KG	1
Beras Super 5% Cap Anggur (Biru)	10KG	1
Beras Super 5% Cap Anggur (Biru)	5KG	1
Beras Super 5% Cap Roda	10KG	1
Beras Super 5% Cap Roda	5KG	1
Beras Super WR 5%	10KG	1
Beras Super WR 5%	5KG	1
Beras Super Udang	10KG	1
Beras Super Udang	5KG	1
Beras Super Ah Moi	10KG	1
Beras Super Ah Moi	5KG	1
Beras Pulut Sazarice	5KG	1
Beras Pulut Sazarice	2KG	1
Beras Basmathi Kainat	1KG	1

- A. Setiap pembelian produk yang disenaraikan di atas akan mendapat nombor bersiri mengikut senarai produk yang telah ditetapkan.
- B. Peserta/Pelanggan boleh menyertai penyertaan lebih daripada satu penyertaan.

<p>6. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 06/12/2020. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p>																																																
<p>7. <u>Hadiah Mingguan</u></p>	<p>A. Terdapat BAUCAR TUNAI RM100 x 20 & RM200 x 20 hadiah mingguan untuk dimenangi pada setiap minggu selama lima belas [15] minggu berturut-turut seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="454 459 1476 1176"> <thead> <tr> <th>Minggu</th> <th>Tempoh Tarikh</th> <th>Hadiah Mingguan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>Minggu 1</td><td>22/8/2020 -30/8/2020</td><td>RM100 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 2</td><td>31/8/2020 - 6/9/2020</td><td>RM100 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 3</td><td>7/9/2020 - 13/9/2020</td><td>RM200 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 4</td><td>14/9/2020 - 20/9/2020</td><td>RM200 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 5</td><td>21/9/2020 - 27/9/2020</td><td>RM100 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 6</td><td>28/9/2020 - 4/10/2020</td><td>RM100 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 7</td><td>5/10/2020 - 11/10/2020</td><td>RM200 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 8</td><td>12/10/2020 - 18/10/2020</td><td>RM200 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 9</td><td>19/10/2020 - 25/10/2020</td><td>RM200 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 10</td><td>26/10/2020 - 1/11/2020</td><td>RM100 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 11</td><td>2/11/2020 - 8/11/2020</td><td>RM100 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 12</td><td>9/11/2020 - 15/11/2020</td><td>RM200 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 13</td><td>16/11/2020 - 22/11/2020</td><td>RM200 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 14</td><td>23/11/2020 - 29/11/2020</td><td>RM100 X 20</td></tr> <tr><td>Minggu 15</td><td>30/11/2020 - 6/12/2020</td><td>RM100 X 20</td></tr> </tbody> </table> <p>B. Terdapat sejumlah RM44,000 Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.</p>	Minggu	Tempoh Tarikh	Hadiah Mingguan	Minggu 1	22/8/2020 -30/8/2020	RM100 X 20	Minggu 2	31/8/2020 - 6/9/2020	RM100 X 20	Minggu 3	7/9/2020 - 13/9/2020	RM200 X 20	Minggu 4	14/9/2020 - 20/9/2020	RM200 X 20	Minggu 5	21/9/2020 - 27/9/2020	RM100 X 20	Minggu 6	28/9/2020 - 4/10/2020	RM100 X 20	Minggu 7	5/10/2020 - 11/10/2020	RM200 X 20	Minggu 8	12/10/2020 - 18/10/2020	RM200 X 20	Minggu 9	19/10/2020 - 25/10/2020	RM200 X 20	Minggu 10	26/10/2020 - 1/11/2020	RM100 X 20	Minggu 11	2/11/2020 - 8/11/2020	RM100 X 20	Minggu 12	9/11/2020 - 15/11/2020	RM200 X 20	Minggu 13	16/11/2020 - 22/11/2020	RM200 X 20	Minggu 14	23/11/2020 - 29/11/2020	RM100 X 20	Minggu 15	30/11/2020 - 6/12/2020	RM100 X 20
Minggu	Tempoh Tarikh	Hadiah Mingguan																																															
Minggu 1	22/8/2020 -30/8/2020	RM100 X 20																																															
Minggu 2	31/8/2020 - 6/9/2020	RM100 X 20																																															
Minggu 3	7/9/2020 - 13/9/2020	RM200 X 20																																															
Minggu 4	14/9/2020 - 20/9/2020	RM200 X 20																																															
Minggu 5	21/9/2020 - 27/9/2020	RM100 X 20																																															
Minggu 6	28/9/2020 - 4/10/2020	RM100 X 20																																															
Minggu 7	5/10/2020 - 11/10/2020	RM200 X 20																																															
Minggu 8	12/10/2020 - 18/10/2020	RM200 X 20																																															
Minggu 9	19/10/2020 - 25/10/2020	RM200 X 20																																															
Minggu 10	26/10/2020 - 1/11/2020	RM100 X 20																																															
Minggu 11	2/11/2020 - 8/11/2020	RM100 X 20																																															
Minggu 12	9/11/2020 - 15/11/2020	RM200 X 20																																															
Minggu 13	16/11/2020 - 22/11/2020	RM200 X 20																																															
Minggu 14	23/11/2020 - 29/11/2020	RM100 X 20																																															
Minggu 15	30/11/2020 - 6/12/2020	RM100 X 20																																															
<p>8. <u>Hadiah Mingguan - Maklumat Pengadilan</u></p>	<p>1. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan WhatsApp yang diterima dari seluruh negeri Sabah dan Labuan dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan BP yang dikemukakan dan Jadual BP [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>2. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan yang diterima untuk minggu tersebut adalah 1188, Penganjur akan mengira dan memilih finalis hadiah mingguan berdasarkan yang berikut:</p> <p>3. Pemilihan Mingguan dua puluh [20] Finalis Hadiah Mingguan: $1188 \div 20 = 59.4$. Oleh sebab pembahagian 1188 dengan 20 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 59.4 akan</p>																																																

	<p>dibundarkan ke bawah kepada 59. 20 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 59*, 118*, 177*, 236, 295 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 59, 59+59=118, 118+59=177].</p> <p>4. Sekiranya, finalis terpilih telah dihubungi melalui Whatsapp dan tidak memberi sebarang mesej balasan dalam masa yang ditetapkan, nombor bersiri seterusnya akan layak menjadi pengganti finalis tersebut. [Contohnya, 117 akan diganti kepada 118 sekiranya finalis bersiri 117 tidak memberi sebarang balasan Whatsapp selepas dihubungi oleh Penganjur]</p>
9. <u>Hadiah Saguhati</u>	<p>1. Terdapat dua puluh [20] Hadiah Saguhatu Huawei Nova 7 SE untuk dimenangi di seluruh Sabah dan Labuan sepanjang tempoh Promosi.</p>
10. <u>Hadiah Saguhati – Maklumat Pengadil</u>	<p>1. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan finalis Hadiah Utama, SEMUA Penyertaan Layak dikumpul dan diproses oleh Penganjur sepanjang proses pemilihan finalis mingguan dan sepanjang keseluruhan Tempoh Promosi secara berasingan akan diperuntukkan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri “1”.</p> <p>2. Pada akhir Tempoh Peraduan, nombor bersiri yang diperuntukkan untuk setiap Penyertaan Layak di setiap negeri akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak yang diterima adalah 2248, Penganjur akan mengira dan memilih finalis hadiah pertama negeri Perak berdasarkan yang berikut:</p> <p>a. Pemilihan dua puluh [20] Finalis Hadiah Saguhati: $2248 \div 20 = 112.4$. Oleh sebab pembahagian 2248 dengan 20 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 112.4 akan dibundarkan ke bawah kepada 112. 20 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 112*, 224*, 336*, 448*, 560 dan 672. [*contoh pengiraan: 112, 112+112=224, 224+112=336].</p> <p>3. Sekiranya, finalis terpilih telah dihubungi melalui Whatsapp dan tidak memberi sebarang mesej balasan dalam masa yang ditetapkan, nombor bersiri seterusnya akan layak menjadi pengganti finalis tersebut. [Contohnya, 112 akan diganti kepada 113 sekiranya finalis bersiri 112 tidak memberi sebarang balasan Whatsapp selepas dihubungi oleh Penganjur]</p>
11. <u>Hadiah Utama</u>	<p>I. Hadiah Utama 1: Nissan Navara 2.5 x 1</p> <p>II. Hadiah Utama 2: Nissan Almera 1.5 x 1</p> <p>III. Hadiah Utama 3: Yamaha NVX 155 x 1</p> <p>IV. Hadiah Utama 4: Yamaha Y15ZR x 1</p> <p>V. Hadiah Utama 5: Gaming Laptop Nitro 5 (AN515-55-79CU) x 1</p> <p>VI. Hadiah Utama 6: Samsung 65" 4K UHD Smart TV x 1</p> <p>1. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan finalis Hadiah Utama, SEMUA Penyertaan Layak dikumpul dan diproses oleh Penganjur sepanjang proses pemilihan finalis mingguan dan sepanjang keseluruhan Tempoh Promosi secara berasingan akan diperuntukkan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri “1”.</p>

	<p>2. Pada akhir Tempoh Peraduan, nombor bersiri yang diperuntukkan untuk setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak adalah 13483, Penganjur akan mengira dan memilih finalis hadiah utama berdasarkan yang berikut:</p> <p>a. Pemilihan enam [6] Finalis Hadiah Utama: $113331 \div 6 = 18888.5$. Oleh sebab pembahagian 113331 dengan 6 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 18888.5 akan dibundarkan ke bawah kepada 18889. 6 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 18889*, 37778* dan 56667*. [*contoh pengiraan: 18889, 18889+18889=37778, 37778+18889=56667]</p> <p>3. Sekiranya, finalis terpilih telah dihubungi melalui Whatsapp dan tidak memberi sebarang mesej balasan dalam masa yang ditetapkan, nombor bersiri seterusnya akan layak menjadi pengganti finalis tersebut. [Contohnya, 18889 akan diganti kepada 18890 sekiranya finalis bersiri 18889 tidak memberi sebarang balasan Whatsapp selepas dihubungi oleh Penganjur]</p>
<p>12. <u>Hadiah-Hadiah</u></p>	<p>1. Hadiah Utama, Saguhati & Hadiah Mingguan:</p> <p>a. Hadiah Utama 1: Nissan Navara 2.5 x 1</p> <p>b. Hadiah Utama 2: Nissan Almera 1.5 x 1</p> <p>c. Hadiah Utama 3: Yamaha NVX 155 x 1</p> <p>d. Hadiah Utama 4: Yamaha Y15ZR x 1</p> <p>e. Hadiah Utama 5: Gaming Laptop Nitro 5 (AN515-55-79CU) x 1</p> <p>f. Hadiah Utama 6: Samsung 65" 4K UHD Smart TV x 1</p> <p>g. Hadiah Saguhati: Huawei Nova 7 SE x 20</p> <p>h. Hadiah mingguan: Baucer Tunai RM200 x 20 x 7 minggu</p> <p>i. Hadiah mingguan: Baucar Tunai RM100 x 20 x 8 minggu</p> <p>2. Pemenang akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk pembayaran semua cukai jalan, yuran pendaftaran, yuran plat nombor, insurans kereta, dan / atau caj lain-lain yang berkaitan dengan Nissan Navara 2.5, Nissan Almera 1.5, Yamaha NVX 155 dan Yamaha Y15ZR, termasuk kos penghantaran hadiah dari Kota Kinabalu, Sabah.</p> <p>3. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung kos cukai jalan, insurans kereta, kos pengangkutan Nissan Navara 2.5, Nissan Almera 1.5, Yamaha NVX 155 dan Yamaha Y15ZR kepada Pemenang dan / atau kos sampungan yang lain.</p> <p>4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap implikasi cukai yang timbul dari Nissan Navara 2.5, Nissan Almera 1.5, Yamaha NVX 155 dan Yamaha Y15ZR atau penggunaannya. Segala kewajipan pemfailan cukai atau pembayaran cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa akibat penerimaan atau penggunaan Hadiah akan tetap menjadi tanggungjawab Pemenang Kempen ini. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Peserta yang Layak untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai kemungkinan implikasi cukai di dalam</p>

	<p>Kempen ini;</p> <ol style="list-style-type: none"> 5. Visual Hadiah yang ditunjukkan dalam sebarang iklan, Peraduan, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan Kempen adalah / hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan warna sebenar Hadiah dan tidak termasuk sebarang aksesori pilihan. 6. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang terpilih tidak dapat dihubungi atas sebarang tarikh. 7. Semua Hadiah selain Kenderaan akan dituntut di premis Sazarice/ Sabarice yang terdekat dalam masa 8 minggu dari 16/12/2020. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir 31/12/2020 akan dilupuskan dan tidak layak untuk dituntut lagi. 8. Penganjur berhak untuk mengganti sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia. 9. Semua individu dan organisasi yang dihubungkan secara komersial dengan Penganjur dan setiap syarikat induk, sekutu, bahagian, anak syarikat, ejen, dan wakil masing-masing termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen, pengedar dan agensi tidak layak untuk menyertai Peraduan ini. 10. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk melantik mana-mana ejen pihak ketiga untuk melaksanakan penebusan Hadiah di bawah Peraduan (termasuk dan tidak terhad kepada, syarikat insurans, institusi kewangan dan/atau syarikat amanah) ["Ejen"]. Untuk tujuan ini, Pemenang mesti melaksanakan dokumen yang sesuai dengan Ejen dalam bentuk dan cara yang diperlukan oleh Ejen. Semua Hadiah yang ditadbir melalui Ejen akan diterima oleh Pemenang tertakluk kepada terma dan syarat Ejen tersebut. 11. Hadiah tidak boleh ditebus oleh Pemenang selain daripada mengikuti syarat-syarat yang terkandung di sini. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan, menghentikan dan/atau membatalkan pemberian Hadiah-Hadiah kepada mana-mana Pemenang yang tidak memenuhi syarat-syarat terkandung di sini. 12. Di sepanjang Tempoh Peraduan setiap transaksi layak untuk menang: <ol style="list-style-type: none"> a. Satu [1] Hadiah Mingguan; dan/atau b. Satu [1] Hadiah Utama atau Saguhati 13. Setiap individu hanya layak untuk memenangi dua [2] Hadiah Mingguan dan [1] Hadiah Utama atau Saguhati sahaja sepanjang Tempoh Peraduan. 14. Finalis pemenang Hadiah Utama dikehendaki untuk menghadiri sesi cabaran akhir di masa dan tempat yang akan ditetapkan kelak untuk menentukan pemenang Hadiah Utama. Kegagalan untuk menghadiri sesi cabaran akhir ini akan melucutkan kelayakan untuk memenangi hadiah utama dan finalis yang seterusnya akan dipilih semula. Segala kos yang terlibat untuk menghadiri sesi cabaran akhir akan ditanggung oleh pemenang sendiri.
--	---

Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan	<ol style="list-style-type: none">1. Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Peraduan ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.2. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).3. Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.
2. Penyertaan Peraduan	<ol style="list-style-type: none">1. Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.2. Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Peraduan, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Peraduan hendaklah ditanggung oleh Peserta.3. Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan,

	<p>kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.</p>
<p>3. Kelayakan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Peraduan dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi. 2. Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.
<p>4. Tidak layak</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan: <ol style="list-style-type: none"> (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan promosi dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).
<p>5. Perlucutan Kelayakan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyertaan berikut akan disingkirkan: <ol style="list-style-type: none"> a. Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau b. Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa. 2. Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang: <ol style="list-style-type: none"> a. Menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau b. Tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan apabila diminta untuk pengesahan Penganjur. 3. Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut

	kelayakan.
6. Hadiah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut. 2. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur. 3. Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang. 4. Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah. 5. Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang. 6. Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan. 7. Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.
7. Publisiti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.
8. Hak Milik Intelektual	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

<p>9. Indemniti</p>	<p>1. Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Sazarice Sdn. Bhd.”) & (“Sabarice Sdn. Bhd.”) ,para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Peraduan atau pelanggaran Terma dan Syarat</p>
<p>10. Had Liabiliti</p>	<p>1. Penyertaan Peserta dalam Peraduan adalah atas risiko Peserta sendiri.</p> <p>2. Penganjur, Sazarice Sdn. Bhd., Sabarice Sdn. Bhd., para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Peraduan, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.</p>
<p>11. Am</p>	<p>1. Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.</p> <p>2. Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.</p> <p>3. Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-</p>

	<p>mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.</p> <ol style="list-style-type: none"> 4. Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya. 5. Di mana Terma dan Syarat Peraduan disediakan dalam bahasa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal. 6. Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.
<p>12. Notis Privasi</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dengan menyertai Peraduan, anda telah bersetuju untuk ("Sazarice Sdn. Bhd.") & ("Sabarice Sdn. Bhd.") dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Sazarice Sdn. Bhd.") & ("Sabarice Sdn. Bhd.") dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("Pihak-Pihak Ketiga Lantikan") (secara kolektif "Penganjur" atau "kami") memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang Penyertaan Peraduan bagi tujuan Peraduan. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. 2. Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Peraduan mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa Peraduan, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini. 3. Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami. 4. Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan

	<p>maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.</p> <ol style="list-style-type: none">5. Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di www.rockmaestro.com.6. Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di www.rockmaestro.com.7. Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.8. Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses Penyertaan anda dalam Peraduan dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.9. Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di www.rockmaestro.com. <p>Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.</p>
--	---